



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGUASAAN KEFAHAMAN BACAAN DI KALANGAN MURID
TAHUN LIMA SEKOLAH KEBANGSAAN, DAERAH KOTA SETAR
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

ABU HASSAN BIN OTHMAN

FPP 1997 35



**PENGUASAAN KEFAHAMAN BACAAN DI KALANGAN MURID
TAHUN LIMA SEKOLAH KEBANGSAAN, DAERAH KOTA SETAR
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Oleh

ABU HASSAN BIN OTHMAN

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Oktober 1997



***Dedikasi buat kedua-dua ibu bapaku
yang telah melahirkan, membesarkan, dan membentuk
peribadiku menjadi insan sebegini
serta semua pendidiku dari sekolah rendah
hingga universiti yang telah mengisi
dadaku dengan ilmu yang
amat berguna.
Juga buat isteriku Badariah Dato' Ahmad,
putera-puteriku
Nanee, Ishraff, Nina dan Addin
atas pengorbanan merelakan
kuberpergian bagi menambahkan
ilmu yang sedia ada.....***

amin.....

PENGHARGAAN

Pertama sekali penyelidik mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana telah melimpahkan rahmat dan hidayat-Nya kepada penyelidik sehingga sentiasa sihat walafiat dan dapat menjalankan serta menyiapkan kertas projek ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Master Sains dalam bidang Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama di Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Penyelia Kertas Projek ini, iaitu Encik Kamarudin Hj. Husin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, panduan, bantuan, dan bimbingan kepada penyelidik hingga berjaya menyiapkan kertas projek ini.

Di samping itu, penyelidik juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menawarkan biasiswa untuk penyelidik melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membenarkan penyelidik menjalankan penyelidikan ini.

Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman kerana membenarkan penyelidik menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah kebangsaan dalam Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada Guru-Guru Besar, guru-guru Bahasa Melayu, dan murid-murid SK Sungai Baru, SK Kubang Teduh, SK Alor Melintang, SK Bukit Pinang, dan SK Dato' Shaari kerana telah

memberikan kerjasama yang amat membangggakan dan bermakna kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan ini. Sesungguhnya, tanpa kerjasama tersebut penyelidikan ini mungkin tidak dapat dijalankan dan disiapkan. Semoga kerjasama dan pertolongan tersebut akan mendapat balasan dan limpah kumia daripada Allah s.w.t.

Tidak lupa juga ditujukan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Bahasa Moden yang telah mengajarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang yang dipilih sepanjang tempoh pengajian penyelidik di Universiti Putra Malaysia. Juga kepada teman-teman sekuliah Program Master Sains yang telah turut menyumbang bantuan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, diucapkan ribuan terima kasih.

Akhir sekali, penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu penyelidik, isteri, iaitu Badariah Dato' Ahmad dan anak-anak, iaitu Nanee, Ishraff, Nina, dan Addin kerana telah sanggup berkorban dan bersabar setia menanti serta sokongan yang tidak berbelah bahagi yang diberikan demi mencapai cita-cita mumi untuk masa depan yang lebih gemilang.

Taman Rakyat, Mergong,
Alor Setar.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii	
SENARAI JADUAL	ix	
SENARAI SINGKATAN	xi	
ABSTRAK	xiii	
ABSTRACT	xvii	
BAB		
1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang	1
	Pernyataan Masalah	9
	Objektif	12
	Soalan Kajian	14
	Kepentingan Penyelidikan	16
	Batasan Penyelidikan	18
	Definisi Operasional.....	19
	Penguasaan.....	19
	Kefahaman Bacaan	19
	Ujian Soalan Secara Terbuka	20
	Ujian Kloz	21
	Taksonomi Lambert dan Lamb	22
	Tahap Bacaan Am	23
II	PENYELIDIKAN YANG BERKAITAN	24
	Pengenalan	24
	Penyelidikan Berkaitan Kefahaman Bacaan	24

	Penyelidikan Berkaitan Ujia	29
III	METODOLOGI PENYELIDIKAN	33
	Pengenalan	33
	Reka Bentuk Penyelidikan	33
	Subjek Kajian	34
	Instrumentasi	35
	Soal Selidik	35
	Soalan Ujian Kefahaman	36
	Ujian Kloz	37
	Uj	38
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumentasi	38
	Kaj	38
	Prosedur Pengumpulan Data	39
	Penganalisan Data	39
IV	ANALISIS DAPATAN PENYELIDIKAN DAN PERBINCANGAN ..	42
	Pengenalan	42
	Latar Belakang Responden	42
	Analisis Dapatan Penyelidikan dan Perbincangan	46
	Tahap Penguasaan Kefahaman Bacaan Murid Secara keseluruhan.....	46
	Tahap Penguasaan Kefahaman Bacaan Murid Berdasarkan Ujian Soalan Secara Terbuka	49
	Tahap Penguasaan Kefahaman Bacaan Am Murid Berdasarkan Ujian Soalan secara Terbuka	51
	Tahap Penguasaan Bacaan Murid Dalam Soalan Berbentuk Literal, Tafsiran, dan Kritis.....	52
	Tahap Penguasaan Bacaan Murid Dalam Ujian Kloz.....	56

	Tahap Penguasaan Bacaan Am Murid Dalam Ujian Kloz.....	58
	Perbezaan Tahap Penguasaan Kefahaman Bacaan Murid Berdasarkan Petikan Penerangan dan Naratif.....	59
	Perbezaan Tahap Penguasaan Kefahaman Bacaan Am Berdasarkan Jantina.....	62
	Perbezaan Tahap Penguasaan Kefahaman Bacaan Am Berdasarkan Jenis Pekerjaan Bapa.....	68
	Perkaitan Antara Penguasaan Kefahaman Bacaan Am Dengan Jenis Pekerjaan Bapa	70
	Perkaitan Antara Penguasaan Kefahaman Bacaan Am Dengan Penggunaan Perpustakaan..	71
	Perkaitan Antara Penguasaan Kefahaman Bacaan Am Dengan Penyediaan Bahan Bacaan.	72
	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kefahaman Bacaan Di Kalangan Murid	73
v	KESIMPULAN DAN CADANGAN	79
	Pengenalan	79
	Kesimpulan Dapatan Penyelidikan	79
	Cadangan	83
	Cadangan Penyelidikan Lanjut	85
	BIBLIOGRAFI	86
	LAMPIRAN	
A	Soal Selidik Penyelidikan	90
B	Ujian Kloz (Ujian 1)	94

C	Ujian Kloz (Ujian 2)	96
D	Petikan dan Ujian Soalan Secara Terbuka (Ujian 3).....	98
E	Petikan dan Ujian Soalan Secara Terbuka (Ujian 4)	100
F	Skema Jawapan Ujian 1 dan Ujian 2	102
G	Skema Jawapan Ujian 3 dan Ujian 4	103
H	Panel Peneliti Instrumen Penyelidikan	104
I	Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia	105
J	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Kedah Darul Aman.....	107
K	Jadual Pengumpulan Data	108
VITA	109



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Taburan Responden Mengikut Sekolah	35
2 Jenis Pekerjaan Bapa	43
3 Jenis Pekerjaan Ibu	44
4 Taraf Pendidikan Bapa	45
5 Taraf Pendidikan Ibu	45
6 Kekerapan Skor Peratus Murid-Murid Secara Keseluruhan	47
7 Tahap Kefahaman Bacaan Am Murid-Murid Secara Keseluruhan	48
8 Kekerapan Skor Peratus Murid Dalam Ujian Secara Terbuka	50
9 Tahap Kefahaman Bacaan Am Murid Dalam Ujian Soalan Secara Terbuka	52
10 Penguasaan Kefahaman Bacaan Murid Dalam Ujian 3	53
11 Penguasaan Kefahaman Bacaan Murid Dalam Ujian 4	55
12 Kekerapan Skor Peratus Murid Dalam Ujian Kloz	57
13 Tahap Kefahaman Bacaan Am Murid Dalam Ujian Kloz	58
14 Skor Peratus Murid Dalam Ujian 1	60
15 Skor Peratus Murid Dalam Ujian 2	61
16 Tahap Bacaan Am Murid Dalam Petikan Berbentuk Penerangan dan Naratif	62
17 Tahap Bacaan Am Murid Dalam Ujian Kloz Dari Segi Jantina	66
18 Tahap Bacaan Am Murid Dalam Ujian Soalan Secara Terbuka Dari Segi Jantina	67
19 Perbezaan Antara Tahap Bacaan Am Dengan Jenis Pekerjaan Bapa	69

20	Perkaitan Antara Penguasaan Kefahaman Bacaan Dengan Penggunaan Perpustakaan	71
21	Perkaitan Antara Penguasaan Kefahaman Bacaan Dengan Penyediaan Bahan Bacaan	72
22	Kekerapan Murid Bertanyakan Ibu Bapa	74
23	Penggunaan Masa Untuk Membaca	75
24	Kekerapan Ibu Bapa Mengawasi Anak Membaca	77

SENARAI SINGKATAN

BM	- Bahasa Melayu
KBSR	- Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
P	- Tahap Kebarangkalian
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
SK	- Sekolah Kebangsaan
TBS	- Tahap Bacaan Persendirian
TBB	- Tahap Bacaan Bimbingan
TBK	- Tahap Bacaan Kecewa
UK	- Ujian Kloz
UPSR	- Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
UST	- Ujian Soalan Secara Terbuka
Bil.	- Bilangan
N	- No. (Bilangan Subjek)
Kri.	- Kritis
Lit.	- Literal
Taf.	- Tafsiran
Thp.	- Tahap
Pen. Ujian	- Penguasaan Ujian
Sek. Ren.	- Sekolah Rendah
Sek. Men.	- Sekolah Menengah
Skor Min.	- Skor Minimum
Skor Maks.	- Skor Maksimum

- Sm - Skor Mentah
- Sp - Skor Peratus

**Abstrak Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Kepada Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-Syarat Keperluan Ijazah
Master Sains.**

**PENGUASAAN KEFAHAMAN BACAAN DI KALANGAN MURID TAHUN LIMA
SEKOLAH KEBANGSAAN DI DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN.**

Oleh

ABU HASSAN BIN OTHMAN

Oktober, 1997

Pengerusi : Encik Kamarudin Hj. Husin

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kefahaman bacaan di kalangan murid tahun lima sekolah kebangsaan di Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kefahaman bacaan murid dalam petikan yang bercorak penerangan dan naratif. Perkara-perkara lain lagi yang dilihat ialah sama ada terdapat perbezaan penguasaan kefahaman bacaan dari segi jantina, sama ada wujud perkaitan antara jenis pekerjaan bapa, penggunaan perpustakaan, dan penyediaan bahan dengan penguasaan kefahaman bacaan am dan akhir sekali untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman bacaan di kalangan murid.

Subjek penyelidikan ini terdiri daripada 200 orang murid tahun lima di lima buah sekolah kebangsaan di Daerah kota Setar, Kedah. Sekolah-sekolah tersebut ialah SK Sungai Baru, SK Kubang Teduh, SK Alur Melintang, SK Bukit Pinang, dan SK Dato' Shaari. Data penyelidikan telah diperoleh dengan menggunakan dua jenis

instrumen penyelidikan, yaitu soal selidik dan soal kefahaman. Soal kefahaman terdiri daripada Ujian Soal secara Terbuka dan Ujian Kloz. Data dianalisis dengan menggunakan taburan kekerapan, peratus, min, dan khi-kuasa dua

Dapatan penyelidikan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penguasaan kefahaman bacaan murid dalam Ujian Soal Secara Terbuka berdasarkan Taksonomi Lamberg dan Lamb ialah 76.25% murid menjawab dengan betul soal tahap kefahaman literal, 55.25% tahap kefahaman tafsiran dan 38.00% tahap kefahaman kritis. Ini bermakna 21.75% murid salah menjawab tahap kefahaman literal dan 2.00% tidak menjawab langsung berbanding 36.50% yang salah tahap kefahaman tafsiran dan 8.25% tidak menjawab langsung. Penguasaan kefahaman pada tahap kefahaman kritis lebih merosot apabila 45.75% murid salah dan 15.75% tidak menjawab langsung. Hal ini adalah disebabkan oleh soal tahap kefahaman kritis lebih sukar daripada tahap kefahaman tafsiran dan literal. Oleh yang demikian, penguasaan kefahaman bacaan murid tahun lima di sekolah-sekolah tersebut adalah sederhana sahaja.

Dari segi penguasaan kefahaman tahap bacaan am pula, dalam Ujian Kloz hanya 21.50% murid mencapai tahap bacaan persendirian, 33.50% tahap bacaan bimbingan, dan 45.00% tahap bacaan kecewa. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada keseluruhan murid yang dikaji berada pada tahap bacaan kecewa. Oleh itu, keadaan ini memerlukan pengawasan dan bimbingan yang sepenuhnya daripada guru-guru, ibu bapa, dan masyarakat amnya bagi mengatasi masalah dalam pembacaan.

Dalam Ujian Soalan Secara Terbuka pula, 17.50% murid mencapai tahap bacaan persendirian, 26.50% tahap bacaan bimbingan, dan 56.00% tahap bacaan kecewa. Ini menunjukkan bahawa 56.00% murid menghadapi masalah dalam pembacaan dan ternyata pencapaian dalam Ujian Soalan Secara Terbuka lebih buruk daripada Ujian Kloz.

Penguasaan tahap bacaan am di kalangan murid lelaki dan perempuan juga didapati mempunyai perbezaan yang nyata. Data penyelidikan ini menunjukkan bahawa 14.00% murid perempuan mencapai tahap bacaan persendirian, 18.00% tahap bacaan bimbingan, dan 18.00% tahap bacaan kecewa berbanding 7.00% murid lelaki pada tahap bacaan persendirian, 16.00% tahap bacaan bimbingan, dan 27.00% pada tahap bacaan kecewa dalam Ujian Kloz. Dalam Ujian Soalan Secara Terbuka pula, didapati 13.00% murid perempuan mencapai tahap bacaan persendirian, 14.00% tahap bacaan bimbingan, dan 23.56% tahap bacaan kecewa berbanding 5.00% murid lelaki pada tahap bacaan persendirian, 13.00% tahap bacaan bimbingan, dan 32.00% tahap bacaan kecewa. Oleh yang demikian, dari segi jantina memang murid perempuan mempunyai pencapaian dan penguasaan yang lebih baik daripada murid lelaki.

Melalui penyelidikan ini juga didapati jenis petikan yang berbeza telah mempengaruhi penguasaan kefahaman bacaan dan tahap bacaan am murid-murid. Selain itu, didapati wujud perkaitan di antara pembolehubah, iaitu jenis pekerjaan bapa dan penggunaan perpustakaan dengan penguasaan kefahaman bacaan dan tahap bacaan am murid. Penyediaan bahan bacaan juga mempunyai perkaitan dengan penguasaan kefahaman bacaan dan tahap bacaan am murid-murid yang dikaji. Selain itu, beberapa faktor yang dikenal pasti mempengaruhi kefahaman

bacaan murid ialah kekerapan bertanyakan ibu bapa jika menghadapi masalah,peruntukan masa untuk membaca,kekerapan ibu bapa dan keluarga mengawasi mereka membaca, dan penyediaan jadual waktu khas untuk membaca.

Oleh yang demikian, beberapa langkah yang sesuai dan munasabah hendaklah diambil oleh guru, ibu bapa, dan masyarakat amnya untuk mengatasi masalah penguasaan kefahaman bacaan di kalangan murid.

Abstract of the project paper research submitted to Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science.

ACQUIREMENT OF READING AND COMPREHENSION AMONG THE YEAR FIVE
PUPILS IN PRIMARY SCHOOL IN THE DISTRICT OF KOTA SETAR, KEDAH
DARUL AMAN.

By
ABU HASSAN BIN OTHMAN

October 1997

Chairman : Encik Kamarudin Hj. Husin

Faculty : Educational Studies

The aim of this research is to see the level of acquirement the reading and comprehension in Bahasa Melayu among the year five pupils in primary school in the District of Kota Setar, Kedah Darul Aman. Besides that, this research is also meant to see into the level of the pupils comprehension acquirement in their reading in informative and narrative form of passages. The other things which is also looked into is whether there is a difference in the reading and comprehension acquirement between the pupils according to their sex, the relationship between their socioeconomy status, the uses of library and the preparation of aids with the comprehension acquirement in reading. The other definite aim is to make sure which are the factors which influence the reading and comprehension.



The subjects were 200 year five pupils from five primary school. The data for the research were obtained from two research instruments, they are questionnaire and comprehension questions. These question were from open test question and cloze tests. The data was analyzed by using the frequency distribution, percentage, min, and khi-square.

The finding from the research on the whole shows that the acquirement level in the pupils reading and comprehension in the open test question based on the Lamberg and Lamb Taxonomy are 76.25% the literal comprehensive level, 55.25% the interpetation comprehensive and the 38.00% being the critis comprehensive. This means 21.75% of the pupils are wronged in the literal comprehensive level and 2.00% did not answer compared the 36.5% pupils who are wronged in the interpetation comprehensive level while 8.25% did not answer at all. The acquirement of the critis comprehensive level declined when 45.75% of the pupils had their wrong and 15.75% did not answer at all. This might be the level of critis comprehensive question were the most difficult ones when compared to the interpetation level and the literal comprehensive level. However, the reading comprehensive acquirement among the year five pupils is average only.

From the comprehensive reading level in general reading, in the cloze test only 21.50% of the pupils achieved the independent level, 33.50% Instructional level while 45.50% being the frustration level. This shows that almost half of the number of pupils being are under the frustration level. So, this condition needs the tight precaution from the teachers and parents because the pupils are facing many problems in their reading.



In the open test questionnaire, 17.50% achieved independent level, 26.50% instructional level, and 56.00% being the frustration level. This shows that 56.00% of the pupils were facing problems in their reading and it was proved the achievement in the open test question worse than the cloze test.

The acquirement of general reading level between the boys and girls was found to have a clear difference between them. About 14.00% of the girls achieved the independent level, 18.00 % achieved the instructional level and 18.00% being the frustration level compared to 7.00% of the boys at the independent level, 16.00% at the instructional level and 27.00% at the frustration level in the cloze test. In the open test questions, it was found that 13.00% of the girls achieved instructional level and 27.00% at the frustration level. When compared to the boys, it was 5.00% at the independent level, 13.00% at the instructional level and 32.00% at the frustration level. In that case from the two sex compared, it was true that the girls achievement were much better than the boys.

From this research, it was found that the difference passages had a great a influence on the comprehensive reading acquirement and the pupils level of reading. Besides that, it was found that there is relationship between two variables such as socioeconomy status and the use of library with the acquirement comprehensive reading. Also, the variable like the preparation of the reading materials do have the relationship with the acquirement of the comprehensive reading among the pupils being studied.

So, a few reasonable steps have to be taken by the teachers, parents and the community to overcome the problems involving the acquirement of comprehensive reading.



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Membaca adalah suatu aspek penguasaan bahasa yang penting. Dengan adanya kebolehan membaca, seseorang itu dapat menimba ilmu pengetahuan daripada berbagai-bagai sumber dan sekaligus membuka seluas-luasnya pintu masuk ke alam pengetahuan manusia dan alam. Walaupun pembacaan mendapat saingan yang hebat daripada berbagai-bagai jenis media yang lain, seperti televisyen, video, dan komputer, namun pembacaan tetap merupakan suatu wahana yang penting untuk pembelajaran dan pengayaan pengalaman. Jadi, untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada aktiviti membaca, pembaca mestilah dapat membaca dengan cara yang cekap, matang, dan kritis.

Bacaan dan pemahaman tidak boleh dipisahkan di antara satu dengan lain. Tanpa pemahaman tidak ada bacaan. Membaca perkataan demi perkataan dengan tidak memahami makna ayat dan keseluruhan teks yang dibaca bukanlah bacaan yang sebenar. Ini dikatakan "word calling" atau "barking at point" tetapi tetap bukan bacaan (Sofiah Osman, 1986:402). Jelasnya, membaca merupakan satu daripada bentuk komunikasi di antara pembaca dengan bahan bacaan secara langsung dan dengan penulis secara tidak langsung untuk mendapatkan gambaran yang bermakna dan tepat daripada idea atau maklumat yang terdapat dalam bahan bacaan itu, manakala kefahaman membaca

bermaksud memahami bahan bacaan dengan sepenuhnya.

Kefahaman membaca membawa erti memahami apa yang ditulis oleh seseorang pengarang. Untuk memahami mesej pengarang, seseorang itu perlu mencari makna daripada rangkaian perkataan (Zalizan Mohd. Jelas, 1987:115). Menurut Harris dan Hodges (1981), kefahaman membaca ialah kebolehan atau kemampuan seseorang itu memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Ia merupakan satu proses mendapatkan maklumat daripada komunikasi, sama ada melalui lisan, tulisan atau melalui simbol-simbol yang tertentu. Ia melibatkan proses mental yang kompleks, seperti pengecaman, pemilihan makna yang sesuai, penubuhan generalisasi, dan juga penilaian. Gibson dan Levin (1975), pula menyatakan bahawa kefahaman bacaan ialah kebolehan memperoleh makna daripada teks dan bukan sekadar mengenal perkataan yang dicetak, tetapi lebih daripada itu.

Terdapat berbagai-bagai faktor yang mempengaruhi kefahaman bacaan. Menurut Dawson (1968), faktor-faktor tersebut ialah kecerdasan, pengetahuan atau pengalaman, mekanis bacaan, minat, dan kemahiran-kemahiran pembelajaran yang lain. Menurut Khadijah Rohani Md. Yunus (1987), kecerdasan penting kerana kemampuan seseorang murid untuk memahami sesuatu itu bergantung kepada keupayaannya belajar dan kebolehannya mengaitkan apa yang dibacanya dengan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada. Selain itu, kefahaman bacaan juga berkait rapat dengan pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada pada kanak-kanak. Pengalaman dan pengetahuan dipercayai dapat membantu kanak-kanak memberi gerak balas

yang berkesan terhadap bahan yang dibaca oleh mereka.

Menurut Zalizan Mohd. Jelas (1987), terdapat empat faktor yang boleh mempengaruhi kefahaman membaca seseorang murid. Pertama ialah tahap kefahaman yang diperlukan. Ini dikaitkan dengan kemahiran kefahaman yang berbeza yang memerlukan jenis dan tahap pemikiran yang berbeza. Kedua ialah kefahaman berlaku dalam bentuk satu kontinum berdasarkan kepanjangan atau jumlah isi penerangan yang diperlukan oleh seseorang untuk membaca pada tiap-tiap satu ketika. Kebanyakan murid tidak mengalami masalah membaca cerita-cerita pendek, manakala jika diberi satu novel yang sama tahap kandungannya, murid-murid tersebut mengalami pelbagai masalah membaca dan memahaminya kerana jumlah isi kandungan di dalam novel tersebut terlalu banyak untuk diingat. Jumlah isi kandungan mempengaruhi kefahaman kerana selalunya ujian-ujian kefahaman standard merupakan ujian yang menggunakan keratan pendek sebagai bahan ujian. Keratan pendek itu pula berbeza daripada keratan dalam situasi pengajaran pembelajaran di bilik darjah yang selalunya lebih panjang dan padat isi kandungannya. Ketiga ialah kesusahan dalam bahan bacaan mempengaruhi kefahaman bacaan seseorang. Kebolehan pula adalah dipengaruhi oleh kepanjangan dan kepadatan ayat dan juga bilangan perkataan baru yang diperkenalkan. Akhir sekali ialah latar belakang pengalaman murid juga merupakan satu faktor kesediaan yang mempengaruhi kefahaman bacaan.

Terdapat beberapa peringkat kefahaman bacaan. Barret (1968), mengemukakan lima peringkat kefahaman bacaan, iaitu:

1. kefahaman literal,
2. organisasi semula,
3. kefahaman inferensi,
4. penilaian, dan
5. penikmatan.

Smith (1969), pula mengemukakan empat jenis kemahiran kefahaman bacaan, iaitu:

1. kefahaman literal.
2. kefahaman tafsiran,
3. kefahaman kritikal, dan
4. kefahaman kreatif.

Zallzan Mohd. Jelas (1967), menyimpulkan bahawa berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan , kemahiran kefahaman bacaan mempunyai empat komponen asas, iaitu:

1. kefahaman literal,
2. kefahaman inferensi,
3. kefahaman penilaian, dan
4. kefahaman aplikasi

Kefahaman literal merujuk kepada proses mengingat kembali perkara-perkara konkrit atau fakta-fakta yang ditulis oleh pengarang. Kefahaman inferensi memerlukan pembaca membuat perkaitan ke atas apa yang dibaca. Pembaca